

# PM puji sikap rajin rakyat Kelantan

29 MAR 1986

**NILAM PURI (Kota Bharu), Jumaat** — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, hari ini memuji sikap rakyat Kelantan yang sentiasa rajin berusaha dan bekerja keras dalam pelbagai bidang bagi menambahkan pendapatan mereka.

Katanya, sesetengahnya sampai sanggup merantau jauh dan menghadapi pelbagai cabaran sematamata kerana ingin mencari nafkah yang lebih untuk meningkatkan taraf hidup.

Berucap di hadapan kira-kira 5,000 penduduk ketika merasmikan Rancangan Tanaman Bersepadu Mulong-Lating di sini petang ini, Perdana Menteri berkata, sifat yang mulia ini haruslah diteladani oleh rakyat negeri lain.

Perdana Menteri berkata, rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan hari ini adalah untuk meninggikan taraf hidup rakyat, terutama di luar bandar. Sehubungan itu rakyat mesti sanggup mengubah cara lama yang mereka gunakan untuk meningkatkan pendapatan.

Katanya, kajian yang dijalankan menunjukkan ada antara sistem pertanian lama yang digunakan sudah tidak sesuai lagi pada zaman ini.

## Perubahan

"Kerana itulah perubahan dilakukan, umpamanya di segi memperbaiki sistem pertanian, seperti penanaman padi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat," kata beliau.

**Datuk Seri Dr Mahathir** berkata: "Kita mesti menggunakan nikmat Tuhan, iaitu tanah yang subur ini untuk meningkatkan pendapatan secara berusaha ber-sungguh-sungguh."

Katanya, tanah itu hendaklah digunakan sepenuhnya agar dapat memberi pengeluaran yang maksimum.

Beliau berkata, kerajaan berpendapat dengan menyatukan kawasan-kawasan terbiar dan mengatur tempat tinggal penduduk dengan sempurna akan memberikan keuntungan yang lebih baik bagi mereka, terutama petani.

Penanaman padi yang dilakukan di kawasan Mulong-Lating perlu dijadikan contoh kerana terbukti memberikan hasil yang tinggi, iaitu lebih dua kali ganda.

Beliau juga menggesa mereka supaya dilaksanakan usaha sampingan seperti menternak ikan air tawar.

Ini penting kerana usaha pembangunan seperti itu, yang sentiasa digalakkan oleh kerajaan Barisan Nasional, bertujuan memberikan kemakmuran kepada peserta-peserta rancangan itu.